SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION




# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI 2023–2025

*Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)*
*2023-2025*

Cetakan Pertama 2023
Hak Cipta Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

**DITERBITKAN OLEH:**

**UNIT INTEGRITI & AUDIT DALAM**
**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**
**MALAYSIA COMPETITION COMMISSION**

LEVEL 15, MENARA SSM @ SENTRAL
7 JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50623 KUALA LUMPUR

**Telefon** : +603-2273 2277
**Faks** : +603-2272 2293
**Laman Sesawang** : www.mycc.gov.my

**HAKCIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Tiada bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam sebarang bentuk, alat secara eletronik, gambar serta rakaman. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**PENAFIAN**

Pelan Antirasuah ini adalah khusus untuk kegunaan MyCC dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. MyCC tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung dalam pelan ini.

SCAN ME OACP MyCC

# AMANAT KEPIMPINAN



**Salam Sejahtera**

Saya bersyukur kerana Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) berjaya menyediakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MyCC 2023-2025. Usaha ini adalah demi mencapai matlamat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang mencerminkan harapan tinggi rakyat supaya negara kita bebas dari amalan keji rasuah, dan supaya negara kita mengamalkan ketelusan, integriti dan pemerintahan yang baik.

Rasuah bukan semata-mata kesalahan undang-undang, tetapi juga adalah penyakit sosial dan peradapan yang boleh merosakkan negara. Soal membanteras rasuah sudah berulang kali dibangkitkan baik di peringkat kepimpinan negara mahupun di peringkat rakyat jelata. Tetapi retorik sahaja tidak mencukupi. Langkah-langkah serius dan berkesan terhadap rasuah mesti diambil secara bersungguh-sungguh berlandaskan undang-undang tanpa memilih bulu. ***"There must be a sincere political will to wage war on corruption at whatever level, without fear or favour."***

Penerapan budaya kerja berintegriti mestilah dihayati dan diperkukuhkan oleh pihak pentadbiran organisasi dengan berpandukan prinsip tadbir urus yang baik. Secara tidak langsung amalan ini akan meningkatkan prestasi kerja malah akan memberi manfaat kepada organisasi secara keseluruhan serta membina warga kerja **MyCC yang profesional lagi berintegriti,** yang menolak segala bentuk penyelewengan, rasuah dan salahguna kuasa.

Melangkah ke hadapan, OACP MyCC 2023-2025 membuktikan kesungguhan MyCC dalam mengambil tindakan proaktif untuk membanteras rasuah. Pelan yang komprehensif ini merangkumi

keseluruhan aspek berkaitan tadbir urus, integriti dan antirasuah serta cabaran-cabaran yang mungkin dihadapi pada masa hadapan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga MyCC dan pihak yang terlibat. Usaha ke arah penambahbaikan secara berterusan akan dilakukan sekaligus menjadikan MyCC sebagai sebuah organisasi yang benar-benar bebas rasuah dan dihormati rakyat.

Sekian, terima kasih.

**DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN YUNUS**
Pengerusi
Suruhanjaya Persaingan Malaysia
*Malaysia Competition Commission* (MyCC)

# PERNYATAAN KOMITMEN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2025 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah dokumen yang dinamik mencerminkan komitmen MyCC bagi perlaksanaan berkesan dalam menggariskan pelan tindakan dan inisiatif membanteras gejala rasuah secara cekap dan sistematik.

NACP 2019-2023 menjadi sumber rujukan utama dalam pembangunan OACP MyCC 2023-2025. Pelan ini akan meliputi isu-isu dalaman organisasi berkaitan dengan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani.

Kerangka dasar, strategi pelan dan inisiatif telah dikenalpasti hasil daripada sesi perbincangan dan Bengkel Pembangunan OACP untuk mendapatkan input yang komprehensif dari semua Bahagian. Kerjasama semua pihak terlibat dalam membudayakan integriti serta komited dalam usaha untuk membasmi rasuah di semua peringkat serta menutup ruang dan peluang yang mungkin boleh berlaku di Bahagian.

Pengurusan tertinggi MyCC sesungguhnya komited dan bertekad akan memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang telah digubal dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga MyCC. Semoga langkah ini, keyakinan rakyat akan meningkat terhadap perkhidmatan MyCC dalam menggalakkan pembangunan ekonomi dengan melindungi proses persaingan dan kepentingan pengguna.

Adalah diharapkan supaya OACP MyCC 2023-2025 ini dapat menjadi panduan bagi semua warga MyCC khususnya merealisasikan pelan tindakan dan inisiatif yang telah digariskan bagi memartabatkan budaya kerja berintegriti, tadbir urus baik dan memastikan penyampaian pekhidmatan yang lebih cekap.

# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulilah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, MyCC telah berjaya menyiapkan Pelan Antirasuah Organisasi MyCC 2023-2025 yang akan memantapkan lagi tadbir urus MyCC.

**Pentadbiran beramanah** merupakan elemen penting kepada MyCC dalam penyampaian perkhidmatan awam kelas pertama. Integriti tidak hanya memfokuskan kepada isu-isu rasuah, malah ia merupakan satu konsep yang luas. Usaha pencegahan rasuah dipacu menerusi ***strong and determined political leadership, institutional capacity, transparency and strategic collaboration.***

**Penginstitusian integriti MyCC** bukan sahaja mampu meningkatkan imej, ini adalah komitmen dan bukti kesungguhan pihak pengurusan untuk memartabatkan imej MyCC sebagai sebuah badan penguatkuasaan yang berintegriti dan bebas rasuah. Usaha ini adalah untuk memastikan setiap warga kerja MyCC akan mendukung aspirasi dan agenda nasional dalam membanteras gejala rasuah.

Demi mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, MyCC juga akan sentiasa bersama-sama dan terus menyokong dalam menjayakan agenda antirasuah Malaysia dan memberikan sepenuh komitmen terhadap OACP MyCC 2023-2025 ini bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan pelaksanaanya.

**Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Sekian,

**ISKANDAR BIN ISMAIL**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

# SINGKATAN

| | |
|---|---|
| **BPA** | Biro Pengaduan Awam |
| **CPI** | Indeks Persepsi Rasuah |
| **CRM** | Pengurusan Risiko Rasuah |
| **CRA** | Penilaian Risiko Rasuah |
| **IIM** | Institut Integriti Malaysia |
| **JAR** | Jawatankuasa Antirasuah |
| **KPDN** | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia |
| **LKAN** | Laporan Ketua Audit Negara |
| **MyCC** | Suruhanjaya Persaingan Malaysia |
| **MOC** | Ahli Suruhanjaya |
| **NACP** | Pelan Antirasuah Nasional |
| **OACP** | Pelan Antirasuah Organisasi |
| **OECD** | Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan |
| **PIN** | Pelan Integriti Nasional |
| **RAIC** | Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti |
| **SPRM** | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| **TI** | Transparency International |
| **TI-M** | Transparency International Malaysia |
| **UIAD** | Unit Integriti & Audit Dalam |

# KANDUNGAN

**AMANAT KEPIMPINAN** 01
**PERNYATAAN KOMITMEN** 03
**PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** 04
**SINGKATAN** 05
**RINGKASAN EKSEKUTIF** 07

**BAB 1 PENGENALAN** 09
1.1 Latar Belakang Organisasi 10
1.2 Isu dan Cabaran 21
1.3 Data Analisis 24
1.4 Penilaian Risiko 26
1.5 Bidang-Bidang Berisiko 27

**BAB 2 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH** 29
2.1 Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi 31
2.2 Analisis Kuadran 33
2.3 Keutamaan Strategi: Penekanan Inisiatif 34
2.4 Bidang Keutamaan 37

**BAB 3 TADBIR URUS** 45
3.1 Mekanisme Pelaksanaan 46
3.2 Struktur Tadbir Urus Pelan Antirasuah Organisasi 49
3.3 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian 51
3.4 Prinsip Pengurusan Antirasuah MyCC 54

**BAB 4 KESIMPULAN** 55
4.1 Kesimpulan 56
4.2 Harapan Masa Hadapan 57
4.3 Sorotan Memoir 58

**PENGHARGAAN** 75

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Antirasuah Organisasi Suruhanjaya Persaingan Malaysia 2023-2025 (OACP MyCC 2023-2025) disediakan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Mantan Perdana Menteri Malaysia serta Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019: Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah.

OACP MyCC 2023-2025 menggariskan tiga (3) bidang keutamaan yang menentukan tiga (3) strategi, tujuh (7) objektif strategik dan tiga puluh sembilan (39) pelan tindakan secara keseluruhannya. Setiap pelan yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan pencegahan rasuah. Untuk mencapai kejayaan pelaksanaanya maka aspek-aspek seperti pengukuhan struktur organisasi, penambahbaikan dalam aspek peningkatan sistem teknologi, perubahan dasar, pemantauan dan pemantapan modal insan perlu di beri perhatian yang utama.

OACP MyCC 2023-2025 sebagai dokumen merentas masa *(living document)* yang menggariskan tindakan menyeluruh dan bersepadu dalam memerangi rasuah secara holistik telah dibangunkan untuk menangani pelbagai cabaran semasa.

Visi OACP MyCC 2023-2025 adalah ke arah “Membentuk Warga MyCC yang Berintegriti dan Bebas Rasuah” dengan memperkasa serta memperkukuhkan integriti, tadbir urus dan antirasuah.

## BAB 1

Menjelaskan latar belakang MyCC dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dalam memerangi rasuah dan membudayakan nilai integriti dalam organisasi. Pelbagai inisiatif yang memberi tumpuan kepada penambahbaikan integriti, tadbir urus dan antirasuah di MyCC. Dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Pengurusan Tertinggi, OACP telah digubal untuk memberi fokus dan hala tuju yang lebih jelas kepada MyCC untuk menentang rasuah.

## BAB 2

Memberi tumpuan menetapkan perancangan senario melibatkan keseluruhan jabatan dalam mengenalpasti isu serta mengemukakan cadangan penyelesaian yang praktikal. Hasilnya sebanyak tiga strategi utama telah dikenalpasti dan telah dijadikan teras utama untuk membanteras rasuah sepertimana yang telah digariskan dalam OACP MyCC 2023-2025.

Menghuraikan tiga (3) bidang keutamaan yang akan menjadi teras dalam usaha pembenterasan rasuah iaitu: Tadbir Urus dan Pengurusan, Perolehan dan Kewangan dan Penguatkuasaan Undang-Undang. Strategi ini seterusnya membawa kepada tiga (3) Bidang Keutamaan, tiga (3) Strategi, tujuh (7) Objektif Strategik dan tiga puluh sembilan (39) Inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang.

## BAB 3

Memfokus kepada aspek Pemantauan dan Penilaian (M&E) bagi memantau kemajuan perlaksanaan inisiatif yang dilaksanakan oleh semua jabatan berkaitan tetapi juga untuk memastikan langkah-langkah yang dilaksanakan adalah bersesuaian dengan objektif yang dirangka serta mengenalpasti jurang dalam perlaksanaan program yang dirancang diselaraskan dengan sewajarnya.

Komitmen yang tinggi dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat adalah penting dan pelan ini akan menjadi panduan terbaik untuk mencapai Visi dan Misi OACP MyCC 2023-2025.

# BAB 1
# PENGENALAN


1.1 Latar Belakang Organisasi 10
1.2 Isu dan Cabaran 21
1.3 Data Analisis 24
1.4 Penilaian Risiko 26
1.5 Bidang-Bidang Berisiko 27

# BAB 1:
# 1.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Suruhanjaya Persaingan Malaysia, yang dikenali sebagai MyCC merupakan badan penguatkuasa yang diberi mandat untuk menguatkuasa dan melindungi proses persaingan di Malaysia. MyCC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan [Akta 713] dengan mandat untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. Akta Persaingan 2010 telah digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan dengan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang berdaya saing. MyCC berperanan untuk memperkasakan pasaran demi kepentingan pengguna, perniagaan dan kemajuan ekonomi negara ini secara keseluruhan. Akhir sekali, matlamatnya ialah untuk memastikan harga yang lebih kompetitif, produk yang lebih berkualiti dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna bagi melindungi hak dan kepentingan mereka.

## VISI

Bermatlamat mencapai ekonomi yang teguh, cekap, dan mampan untuk Malaysia dan rakyat Malaysia melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar dan undang-undang persaingan.

## MISI

Komited mencapai kecemerlangan dengan memperjuangkan persaingan, demi memastikan dan melindungi pasaran agar berfungsi dengan baik dan inovatif untuk peniaga dan pengguna.



# FUNGSI DAN KUASA MyCC

## FUNGSI (Seksyen 16)

- Menasihati Menteri atau mana-mana pihak berkuasa awam tentang segala perkara berkenaan dengan persaingan.
- Memberi tahu Menteri tentang kesan anti-persaingan yang sebenar atau mungkin perundangan semasa yang dicadangkan dan membuat syor kepada Menteri.
- Menasihati Menteri tentang perjanjian antarabansga yang berkaitan.
- Melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang persaingan.
- Mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan undang-undang persaingan.
- Bertindak sebagai penyokong bagi perkara persaingan.
- Kajian am berhubung dengan isu-isu persaingan dalam ekonomi Malaysia.
- Mengumpul maklumat bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya.
- Menyiarkan, meningkatkan kesedaran orang yang terlibat dalam perdagangan atau trend di kalangan orang awam.
- Memberitahu dan mendidik orang awam bagaimana persaingan dapat memberi  manfaat kepada pengguna, ekonomi, Malaysia.
- Mempertimbangkan dan membuat syor kepada Menteri tentang undang-undang persaingan.
- Menjalankan aktiviti yang perlu dan bermanfaat dan wajar bagi pentadbiran Suruhanjaya.

## KUASA (Seksyen 17)

- Menggunakan semua harta alih dan tak alih Suruhanjaya mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai dan manfaat.
- Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan.
- Mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya.
- Melantik mana-mana atau ejen, pakar perunding untuk membantu Suruhanjaya dalam pelaksanaan fungsi.
- Memberikan pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada pekerja Suruhanjaya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma.

- Membayar saraan, elaun dan apa-apa perbelanjaan lain.
- Merumuskan dan melaksanakan program bagi pelaksanaan fungsi Suruhanjaya.
- Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan, agensi bagi maksud melaksanakan fungsi Suruhanjaya.
- Menghendaki pemberian maklumat atau perusahaan bagi membantu Suruhanjaya.
- Melakukan apa-apa jua yang bersampingan dengan mana-mana fungsi.

## JAWATANKUASA KERJA

Sebanyak lapan (8) jawatankuasa yang dipengerusikan oleh seorang Anggota Suruhanjaya telah ditubuhkan bagi membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya di bawah undang-undang persaingan. Jawatankuasa berkaitan adalah seperti berikut:

### Jawatankuasa Ekonomi

Bertanggungjawab memberi nasihat dasar dan menilai justifikasi yang sesuai dari perspektif ekonomi serta panduan, analisis dan isu berkaitan penyiasatan dan permohonan pengecualian. Selain itu, jawatankuasa juga bertanggungjawab dalam memberi cadangan pelan tindakan untuk semakan pasaran dan bimbingan serta nasihat berkaitan tugas yang dijalankan oleh Bahagian berkaitan.

### Jawatankuasa Risiko, Audit dan Integriti

Bertanggungjawab memeriksa semua rekod, dokumen dan laporan yang berkaitan dengan masalah kewangan dan bukan kewangan; menasihati Anggota-anggota Suruhanjaya tentang pelaksanaan aktiviti yang tertakluk kepada pemeriksaan audit; memastikan prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dari perspektif strategik dan operasi; dan memastikan pematuhan pada prosedur dan proses yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh MyCC.

### Jawatankuasa Komunikasi dan Advokasi

Ditubuhkan untuk memastikan pelan advokasi dan komunikasi tentang undang-undang persaingan disampaikan secara konsisten serta publisiti berterusan disamping penyediaan buku laporan tahunan untuk MyCC.

**Jawatankuasa Kewangan**

Ditubuhkan untuk merumuskan prinsip dan garis panduan serta tadbir urus hal ehwal kewangan termasuk kawalan pengurusan kewangan serta prosedur perakaunan.

**Jawatankuasa Penyiasatan dan Penguatkuasaan**

Bertanggungjawab memastikan semua penyiasatan yang dijalankan mengikut Tatacara Operasi Standard (SOP) dan amalan terbaik bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan penguatkuasaan larangan Akta Persaingan 2010 oleh MyCC.

**Jawatankuasa Undang-Undang dan Gubalan**

Ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan nasihat undang-undang dan menggubal peruntukan-peruntukan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713] dan juga perundangan subsidiari termasuk garis panduan.

**Jawatankuasa Pentadbiran dan Sumber Manusia**

Ditubuhkan untuk membantu merangka perkara-perkara berkaitan urusan pentadbiran serta perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia di MyCC.

**Jawatankuasa Pelaburan**

Ditubuhkan untuk membantu bagi mencapai pulangan pelaburan secara konsisten dan memastikan pertumbuhan pelaburan yang berpanjangan serta memberi pulangan yang menguntungkan kepada MyCC. Selain itu, fungsi jawatankuasa ini juga adalah untuk mengkaji dan merangka cadangan dan strategi-strategi pelaburan Suruhanjaya dan menimbangkan perkara-perkara lain berkaitan operasi pelaburan dengan cara yang bersesuaian.

## JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN

MyCC mempunyai sokongan rangkaian yang kukuh bagi tugas dan aktiviti persaingannya. Rangkaian ini telah dipupuk melalui peranannya sebagai pengerusi bagi Jawatankuasa Khas Persaingan. Jawatankuasa Khas Persaingan merupakan sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan sejak tahun 2012. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai pengawal selia sektor. Jawatankuasa ini mengadakan

mesyuarat setiap tahun untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan persaingan dalam pasaran yang melibatkan pelbagai sektor termasuk telekomunikasi, pengangkutan darat dan awam, kewangan, bekalan tenaga elektrik dan air, penerbangan dan harta intelek.

**Ahli Jawatankuasa**

i. Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC); - Pengerusi Jawatankuasa
ii. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC);
iii. Suruhanjaya Tenaga (EC);
iv. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN);
v. Bank Negara Malaysia (BNM);
vi. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC);
vii. Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM);
viii. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO); dan
ix. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

**Fungsi**

i. Mengkaji dan membincangkan isu persaingan dengan pengawal selia sektor.
ii. Memastikan, sekiranya mungkin, pengharmonian prinsip persaingan, tafsiran dan pemakaian undang-undang persaingan.
iii. Menjalankan penyelidikan bersama dan memberi cadangan mengenai pembangunan dasar dan undang-undang persaingan termasuk membuat penilaian bersama-sama rakan pengawal selia terhadap dasar persaingan dan rangka kerja undang-undang yang berkaitan dengan sektor yang berkenaan.
iv. Menjalankan aktiviti pendidikan dan kempen media bersama mengenai isu berkaitan persaingan, jika perlu, kepada orang ramai.
v. Memberi sokongan yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor masing-masing dalam forum kebangsaan dan antarabangsa mengenai persaingan.
vi. Menyediakan sokongan teknikal yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor yang berkenaan.
vii. Menjalankan program advokasi bersama dalam mempromosikan dasar persaingan dan undang-undang di Malaysia.
viii. Apa-apa fungsi lain yang diperlukan untuk mempromosikan dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia.

## BIDANG KUASA DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712]

Akta 712 meliputi semua aktiviti komersial yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam mana-mana pasaran di Malaysia.

Aktiviti yang dikecualikan daripada skop Akta 712 adalah:

- Aktiviti yang melibatkan penjalanan kuasa Kerajaan.
- Perjanjian atau perlakuan yang mematuhi mana-mana undang-undang.
- Aktiviti yang dijalankan berasaskan prinsip perpaduan.
- Pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bertujuan untuk penjualan atau pembekalan semula.
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi secara umum, yang merangkumi kemudahan awam, atau mempunyai ciri-ciri monopoli yang menghasilkan keuntungan.
- Aktiviti rundingan bersama atau perjanjian kolektif antara majikan dengan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja.

Akta 712 tidak terpakai kepada aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah:

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
- Akta Suruhanjaya Tenaga 2001.
- Akta Pembangunan Petroleum 1974.
- Peraturan-Peraturan Petroleum 1974.
- Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

### Pemakaian

Sekyen 3 (1) Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial, di dalam dan tertakluk kepada subseksyen (2), di luar Malaysia.

Seksyen 3 (2) Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial yang dijalankan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam apa-apa pasaran di Malaysia.

Seksyen 3 (3) Akta ini terpakai bagi apa-apa aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual Pertama.

Seksyen 3 (4) "aktiviti komersial" ertinya apa-apa aktiviti bersifat komersial tetapi tidak termasuk:

(a) apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung dalam penjalanan kuasa kerajaan;

(b) apa-apa aktiviti yang dijalankan berasaskan kepada prinsip perpaduan; dan

(c) apa-apa pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan berangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi.

Jadual Pertama [Seksyen 3].

1. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].
2. Akta Suruhanjaya Tenaga [Akta 610].

## AMALAN ANTIPERSAINGAN

### Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang

Seksyen 4 (1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara Perusahaan adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat, atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (2) Tanpa menjejaskan keseluruhan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk:

(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;

(b) berkongsi pasaran atau punca bekalan;

(c) membataskan atau mengawal:

- (i) pengeluaran;
- (ii) saluran keluar pasaran atau pencapaian pasaran;
- (iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau
- (iv) pelaburan; atau

(d) melakukan tipuan bida;

adalah disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 4 (3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungjawab bagi pelanggaran larangan ini.

**Penyalahgunaan kedudukan dominan adalah dilarang**

Seksyen 10 (1) Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupaya suatu penyalahgunaan kedudukan dominan dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Seksyen 10 (2) Suatu penyalahgunaan kedudukan dominan boleh termasuk:

(a) secara langsung atau tidak langsung mengenakan harga belian atau jualan yang tidak adil atau syarat perdagangan lain yang tidak adil ke atas pembekal atau pelanggan;

(b) membatas atau mengawal:

(i) pengeluaran;

(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;

(iii) Pembangunan teknikal atau teknologi; atau

(iv) Pelaburan.

(c) enggan membekalkan kepada suatu perusahaan atau kumpulan atau perusahaan tertentu;

(d) mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setara dengan pihak perdagangan yang lain ke suatu takat yang boleh;

(e) menjadikan pengikatan kontrak tertakluk penerimaan oleh pihak lain akan syarat tambahan yang atas sifatnya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitannya atau menurut kegunaan komersial tidak mempunyai kaitan dengan hal perkara kontrak itu;

(f) berkelakuan seakan pemangsa terhadap pesaing; atau

(g) membeli barangan perantaraan atau sumber yang terhad bekalannya yang dikehendaki oleh seorang pesaing, dalam hal keadaan yang perusahaan dalam kedudukan dominan itu tidak mempunyai justifikasi komersial yang munasabah untuk membeli barangan perantaraan atau sumber itu untuk memenuhi keperluannya sendiri.

Seksyen 10 (3) Seksyen ini tidak melarang suatu perusahaan yang dalam kedudukan domain daripada mengambil apa-apa langkah yang mempunyai justifikasi komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah atau merupakan suatu respons komersial yang munasabah kepada kemasukan ke dalam pasaran atau perlakuan pasaran seorang pesaing.

Seksyen 10 (4) bahagian pasaran mana-mana perusahaan adalah mengatasi atau di bawah apa-apa peringkat tertentu tidak dengan sendirinya boleh dianggap sebagai konklusif tentang sama ada perusahaan itu berada, atau tidak berada, pada suatu kedudukan dominan dalam pasaran itu.

**Kecualian**

Seksyen 13 (1) Larangan-larangan di bawah Bahagian II tidak terpakai bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Seksyen 13 (2) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta meminda Jadual Kedua.

Seksyen 13 (3) Menteri hendaklah, sebelum membuat suatu pindaan kepada Jadual Kedua:

(a) menyiarkan notis mengenai niatnya untuk membuat pindaan itu dan pindaan yang dicadangkan itu;

(b) memberikan notis sekurang-kurangnya tiga puluh hari dari tarikh notis untuk membolehkan apa-apa penghujahan dibuat oleh orang awam berhubung dengan pindaan yang dicadangkan itu; dan

(c) memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penghujahan yang dibuat.

Jadual Kedua [Seksyen 13]

(a) suatu perjanjian atau perlakuan setakat ia terlibat dalam suatu perintah untuk mematuhi suatu kehendak perundangan;

(b) aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma atau syarat penggajian dan perundingan atau diikat antara pihak yang termasuk kedua-dua majikan dan pekerja atau organisasi yang ditubuhkan untuk mewakili kepentingan majikan atau pekerja; dan

(c) Suatu perusahaan yang diamanahkan dengan pengendalian pekhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau yang mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah Bab 1 dan Bab 2 Bahagian II akan menghalang pelaksanaan, di sisi undang-undang atau hakikat, tugas tertentu yang diberikan kepada perusahaan itu.

## REJIM KELONGGARAN

Seksyen 41 (1) Maka hendaklah ada satu rejim kelonggaran, dengan suatu penurunan sehingga maksimum seratus peratus bagi apa-apa penalti yang akan dikenakan selainnya, yang boleh diadakan dalam kes perusahaan yang telah:

(a) mengakui penglibatannya dalam suatu pelanggaran mana-mana larangan di bawah subseksyen 4 (2); dan

(b) memberikan maklumat atau bentuk kerjasama yang lain kepada Suruhanjaya yang membantu secara signifikan, atau mungkin membantu secara signifikan, dalam pengenalpastian atau penyiasatan apa-apa dapatan pelanggaran mana-mana larangan oleh mana-mana perusahaan lain.

Seksyen 41 (2) Suatu rejim kelonggaran boleh membenarkan peratusan pengurangan yang berlainan diadakan bagi suatu perusahaan bergantung kepada:

(a) sama ada perusahaan itu ialah orang pertama sekali membawa pelanggaran yang disyaki itu kepada perhatian Suruhanjaya;

(b) peringkat dalam penyiasatan apabila:

  (i) suatu penglibatan dalam pelanggaran itu diakui; atau

  (ii) apa-apa maklumat atau kerjasama lain telah diberikan; atau

(c) apa-apa hal keadaan lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya untuk diambil kira.

# CARTA ORGANISASI
# SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)



# 1.2 ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang, tanpa mengira status atau jawatan individu yang memberi atau menerima rasuah. Data statistik tangkapan rasuah oleh SPRM bagi Januari sehingga April 2022, sekitar 115 penjawat awam telah didapati terlibat dengan aktiviti rasuah. Data ini memaparkan kategori penjawat awam meliputi bahagian Pengurusan Tertinggi, Pengurusan Profesional dan Sokongan Penjawat Awam.

MyCC telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/*Corruption Risk Analysis* (CRA) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah di MyCC yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi.

Berdasarkan CRA yang telah dijalankan. Tiga (3) bidang keutamaan yang terdedah telah dikenalpasti iaitu Tadbir Urus dan Pengurusan, Perolehan dan Kewangan dan Penguatkuasaan Undang-Undang.

Warga MyCC sentiasa berdepan dengan cabaran dalam memastikan pihak-pihak yang berkepentingan mematuhi peraturan yang digariskan. Dalam menjalankan tugas seharian, warga MyCC terdedah kepada risiko dalam pelbagai bentuk selain tekanan bebanan ekonomi dan sosial yang membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika dalam perkhidmatan awam.

**ISU DAN CABARAN**

Kajian Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Antarabangsa seperti yang dilaporkan oleh Transparency International (TI) Malaysia menunjukkan negara ini berdepan dengan masalah rasuah. Purata skor CPI Malaysia menunjukkan penurunan seperti berikut:

| TAHUN | KEDUDUKAN CPI MALAYSIA | SKOR |
|---|---|---|
| **2017** | 62/180 | 47/100 |
| **2018** | 61/180 | 47/100 |
| **2019** | 51/180 | 53/100 |
| **2020** | 57/180 | 51/100 |
| **2021** | 62/180 | 48/100 |
| **2022** | 61/180 | 47/100 |

*Sumber. Transparency International (TI) Malaysia*

Berdasarkan kepada maklumat di atas, kedudukan Malaysia dalam CPI dunia bagi tahun 2022 merosot ke kedudukan 61, daripada 180 negara, berbanding skor 48 mata pada 2021 kepada 47 mata tahun lalu. Kedudukan skor negara yang semakin menurun adalah suatu indikator yang tidak sihat di mana gejala rasuah bertambah buruk di Malaysia.

Malaysia berada di kedudukan ke 61 dalam Indeks CPI 2022 daripada keseluruhan 180 negara berbanding tangga ke 62 pada tahun 2021. Bagaimanapun, skor Malaysia jatuh satu mata iaitu 48 mata pada 2021 kepada 47 mata pada tahun 2022. Berdasarkan skor CPI, lebih tinggi skor direkodkan, lebih bersih sesebuah negara daripada amalan rasuah manakala lebih rendah skor bermaksud lebih tinggi kes yang berlaku. Dari segi kedudukan ASEAN, Malaysia berada di tempat kedua terbaik selepas Singapura yang merekodkan tangga ke lima daripada 180 negara.

## ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH DI DALAM ORGANISASI

Isu dan rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang tanpa mengira status atau jawatan individu yang memberi atau menerima rasuah. Antara isu dan cabaran dalam menangani rasuah adalah:

**ISU & CABARAN**

- Kurang usaha mencegah rasuah
- Kurang pengesanan awal dan pemantauan
- Ketidakpatuhan serta kurang ketelusan
- Kurang didikan agama dan moral
- Sifat tamak kerana ingin hidup mewah
- Hukuman yang masih ringan
- Berpakat bersekongkol dan berkolaborasi

- Campur tangan politik
- Konflik kepentingan
- Kurang sokongan dan kesedaran
- Kelemahan dan kegagalan sistem
- Kelemahan kawalan dalaman
- Karenah birokrasi
- Kelemahan penguatkuasaan

Isu-isu dan cabaran ini sukar untuk dibendung tanpa adanya kesungguhan dan sokongan yang kuat daripada pihak pengurusan sesebuah organisasi, terutamanya pihak pengurusan atasan yang memainkan peranan yang amat penting dalam kawalan dalaman. Pihak pengurusan MyCC akan memastikan sistem pengurusan yang telus dan berintegriti dalam menggalakkan pematuhan amalan-amalan antirasuah dalam kalangan warga kerja MyCC.

## PERLAKSANAAN PEMANTAPAN INTEGRITI DAN PENCEGAHAN RASUAH

| | | |
|---|---|---|
| 1 | PENGHAYATAN | • Menimbulkan kesedaran tentang perlunya integriti di peringkat individu.<br>• Kefahaman dan kesedaran mengenai etika, nilai dan integriti. |
| 2 | PEMULIHAN | • Melaksanakan pendidikan, kesedaran dan pemulihan yang berkesan kepada warga kerja yang melanggar disiplin. |
| 3 | PUNITIF | • Tindakan penguatkuasaan atas pelanggaran peraturan dan undang-undang dilaksanakan dengan tegas, adil dan saksama.<br>• Melaksanakan sistem pengurusan tatatertib. |
| 4 | KOMUNIKASI | • Mempelbagaikan saluran komunikasi mempromosikan pembudayaan nilai murni dan kesalahan tatatertib.<br>• Memastikan hebahan sentiasa tepat, serta memberi impak dan penghayatan nilai-nilai murni di semua peringkat warga kerja. |
| 5 | PENCEGAHAN | • Mengenalpasti dan memperbaiki kelemahan dalam sistem dan prosedur kerja untuk mengurangkan birokrasi.<br>• Memperkasa tadbir urus dan mekanisme kawalan dalaman dan memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas dan fungsi jabatan.<br>• Memperkemas sistem maklum balas dan aduan bagi membolehkan aduan mengenai rasuah dan salah laku integriti di bendung. |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | PENGUKUHAN | • Memperluaskan penghayatan dan pengamalan integriti sebagai budaya warga kerja.<br>• Menjadikan pemimpin dan penyelia di semua peringkat sebagai (*role model*) kepada kumpulan yang dipimpin atau diselia.<br>• Mewujudkan penanda aras dan indikator bagi setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan.<br>• Mengaplikasikan konsep pengurusan dan proses pembelajaran sepanjang hayat. |

## 1.3 DATA ANALISIS

MyCC merupakan badan bebas separa kehakiman yang ditubuhkan bagi menguatkuasakan undang-undang Akta Persaingan 2010. Dalam usaha mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan anti rasuah yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi, Jawatankuasa Pembangunan OACP MyCC 2023-2025 telah menganalisis beberapa data yang berkaitan bagi membantu menyenaraikan risiko-risiko. Berdasarkan statistik maklumat berkaitan MyCC mengikut pecahan kesalahan bagi tahun 2018 sehingga 2023.

**STATISTIK BERKAITAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) 2018 HINGGA 2023**




*kesemua data diperolehi melalui CRIS
Unit Statistik
Cawangan Peristiharan Harta & Statistik (CPHS)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## STATISTIK MAKLUMAT BERKAITAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) MENGIKUT PECAHAN KESALAHAN 2018 HINGGA 2023




*kesemua data diperolehi melalui CRIS
Unit Statistik
Cawangan Peristiharan Harta & Statistik (CPHS)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

## LAPORAN BIRO PENGADUAN AWAM SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA) 2018 SEHINGGA 2023

| BIL | BUTIRAN | TERIMA | DALAM TINDAKAN | SELESAI |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **Aduan** | 5 | 0 | 5 |
| 2 | Aduan Berulang | 0 | 0 | 0 |
| 3 | Aduan Swasta | 0 | 0 | 0 |
| 4 | Bukan Aduan | 0 | 0 | 0 |
| **Jumlah** | | **5** | **0** | **5 (100%)** |

*kesemua data diperolehi melalui SISPAA
Sistem Pengurusan Aduan Awam
Biro Pengaduan Awam
Jabatan Perdana Menteri

**LAPORAN PENGURUSAN TATATERTIB SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) 2018 SEHINGGA 2023**




*kesemua data diperolehi melalui
Bahagian Khidmat Pengurusan
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

## 1.4 PENILAIAN RISIKO

Unit Integriti & Audit Dalam (UIAD), MyCC dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan Penilaian Risiko Rasuah pada 15 Mei 2023 bertempat di ACE Conference Center bertujuan untuk menentukan konteks dan mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah yang berlaku di MyCC dan Bengkel Pemurnian peringkat akhir diadakan pada 3 Julai 2023.

Semua kategori termasuk jenis risiko rasuah, bidang keutamaan, strategi, objektif dan inisiatif dikenalpasti dan didaftarkan. Pemilik risiko turut merekodkan punca, deskripsi dan impak daripada risiko tersebut. Setiap risiko ditentukan sama ada dan cadangan tindakan pemulihan mitigasi didaftarkan serta disemak oleh pemilik proses berkaitan untuk pengendorsan atau maklumbalas.

Peserta Bengkel adalah terdiri daripada semua Ketua Jabatan dan pegawai perhubungan MyCC yang telah dilantik. Maklumat-maklumat pada Borang Pendaftaran Risiko dari setiap jabatan pelaksana telah di analisis oleh fasilitator daripada IIM bagi menentukan tahap risiko setiap jabatan.

Selain dari itu, data daripada agensi lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) serta Biro Pengaduan Awam (BPA) juga digunakan sebagai input untuk menilai risiko.

MyCC telah melaksanakan CRA bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah di MyCC yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi. Antara mekanisme yang digunakan bagi penilaian risiko adalah:

| OACP MyCC 2023-2025 | |
|---|---|
| | Taklimat CRA OACP dan pembangunan konteks oleh IIM. |
| | Penilaian Risiko Rasuah dan Data Analisa. Menganalisa data, mengenalpasti risiko dan penilaian risiko. |
| | Bengkel Pelan Tindakan. Menentukan inisiatif, pelaksana, tempoh siap dan kuadran. |
| | Data-data dalaman organisasi dan data-data daripada agensi luar seperti Laporan Ketua Audit Negara, SRPM dan BPA. |
| | Bengkel Pemurnian OACP. Memurnikan risiko dan inisiatif yang telah dikenalpasti. (3 - 4 Julai 2023). |

Hasil Analisa data di atas, beberapa sektor cenderung kepada rasuah telah dikenalpasti oleh MyCC iaitu:

1. Tadbir Urus dan Pengurusan.
2. Perolehan dan Kewangan.
3. Penguatkuasaan Undang-Undang.

## 1.5 BIDANG-BIDANG BERISIKO

Penilaian risiko melalui kaedah CRA telah mengenal pasti 39 risiko rasuah berhubung aktiviti yang cenderung kepada perlakuan rasuah dan salah satu seperti kelemahan penguatkuasaan, kelemahan dan ketidakpatuhan dalam tadbir urus, ketiadaan penghayatan nilai-nilai murni dan etika dalam pelaksanaan tugas. Kaedah Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) juga telah mengesyorkan langkah penyelesaian yang bersesuaian sepertimana yang telah digariskan dalam pelan ini.

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dianalisis, tiga (3) bidang keutamaan yang telah dikenalpasti iaitu Tadbir Urus dan Pengurusan, Perolehan dan Kewangan dan Penguatkuasaan Undang-undang.

**Bidang Keutamaan 1 Tadbir Urus dan Pengurusan**

Tadbir urus yang baik dapat membantu MyCC menggunakan peruntukan dengan cekap dan mengambilkira kepentingan pelbagai pihak dalam pelaksanaan operasinya. Pendekatan yang lebih sistematik dalam mengurus kecekapan MyCC agar warga kerja dapat melaksanakan tugas secara profesional dan berintegriti.

**Bidang Keutamaan 2 Perolehan & Kewangan**

Perolehan merupakan salah satu bidang dalam kerajaan berisiko kepada ketirisan integriti dan gejala rasuah. Oleh kerana perolehan awam melibatkan sejumlah besar wang pembayar cukai. MyCC perlu melaksanakan dengan cekap agar kepentingan awam dilindungi. Ketidakpatuhan kepada prosedur kewangan & perolehan seringkali menjadi isu.

**Bidang Keutamaan 3 Penguatkuasaan Undang-Undang**

MyCC komited dalam menguatkuasakan undang-undang persaingan bagi memastikan segala arahan dan prosedur dipatuhi, penguatkuasaan berkesan dan maklumat dilindungi. Aktiviti penguatkuasaan lebih terdedah kepada penyalahgunaan kuasa, campur tangan pihak ke tiga, salah laku dan rasuah. Pemantapan kawalan terhadap prosedur perlu dilaksanakan sama ada dengan mewujudkan mekanisme baru atau menambah kepada kawalan sedia ada.

> Dan janganlah kamu makan harta-harta sesama kamu dengan cara yang tidak benar dan janganlah kamu membawa kes-kes harta itu kepada hakim-hakim dengan tujuan supaya kamu dapat memakan sebahagian dari harta orang lain dengan cara yang berdosa, sedangkan kamu mengetahui.
>
> **Surah al-Baqarah Ayat 188**

# BAB 2 MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH


2.1 Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi 31
2.2 Analisis Kuadran 33
2.3 Keutamaan Strategi: Penekanan Inisiatif 34
2.4 Bidang Keutamaan 37

# BAB 2:
# MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH ORGANISASI

Mengikut *Corruption: A Glossary of International Criminal Standards* yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), *Council of Europe* dan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak mendifinisikan "rasuah". Sebaliknya, Institusi ini mentafsirkan skop kesalahan bagi pelbagai tingkahlaku rasuah.

Integriti merupakan isu insan merealisasikan tadbir urus manusia yang berhubung dengan aspek kerohanian dan kesedaran diri, pematuhan kepada peraturan, serta mekanisme, proses dan prosedur akan berlaku dengan sendirinya. NACP dibangunkan untuk menyatukan semua inisiatif dan usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam satu pelan berintegrasi.

NACP 2019-2023 menetapkan garis panduan asas untuk membina kerangka pelan antirasuah. Pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka pelan terdiri daripada langkah-langkah seperti Jangkaan (*Anticipation*), Advokasi (*Advokasi*), Persepakatan (*Alliance*), Tindakan (*Action*) dan Akreditasi (*Accreditation*).

| | |
|---|---|
| **JANGKAAN (*ANTICIPATION*)** | Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah melalui CRA yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber bagi membantu organisasi mengenalpasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau menghapuskan risiko rasuah dalam organisasi masing-masing. |
| **ADVOKASI (*ADVOKASI*)** | Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan bertangungjawab terhadap setiap syor serta mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan atau sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan dan latihan. |

| | |
|---|---|
| **PERSEPAKATAN (*ALLIANCE*)** | Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman dan luaran termasuk mereka yang terlibat dalam perlaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan pengunaan sumber melalui perkongsian sumber dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya berkesan. |
| **TINDAKAN (*ACTION*)** | Perlaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang dan dasar, sama ada melalui penguatkuasaan, pendekatan pencegahan dan pendidikan. Tindakan tegas dan adil dalam setiap tindakan untuk menghalang, mencegah dan memerangi rasuah di semua peringkat berlandaskan prinsip perundangan dan peraturan semasa. |
| **AKREDITASI (*ACCREDITATION*)** | Akreditasi bukan sekadar untuk memberi ganjaran, tetapi juga untuk memperbaiki dasar atau aktiviti semasa, serta mengalakkan orang lain berbuat perkara perkara yang sama. |

## 2.1 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH MyCC 2023-2025

Dalam menangani perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti, MyCC telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai Visi Nasional iaitu kearah negara yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini MyCC mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Bagi mencapai matlamat ini, MyCC telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai Visi, iaitu “Membentuk dan Memperkasa Warga MyCC yang Berintegriti dan Bebas Rasuah”. Oleh yang demikian strategi ini didukung oleh tiga langkah yang utama iaitu (1) Memperkasakan Tadbir Urus dan Pengurusan MyCC, (2) Meningkatkan Akauntabiliti dan Ketelusan Integriti dalam Perolehan dan Kewangan dan (3) Memperkasakan

Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan agar selari dengan inisiatif yang telah ditetapkan dalam NACP.

Melalui langkah-langkah yang ditetapkan ini, diharap dapat meningkatkan integriti warga kerja dan melonjakkan imej MyCC. OACP MyCC 2023-2025 telah menggariskan sebuah kerangka yang memayungi strategi dengan komprehensif dalam memerangi rasuah dan salah laku integriti.

**RINGKASAN KERANGKA OACP MyCC 2023 -2025**

| OACP MyCC 2023-2025 | | |
|---|---|---|
| | 3 | BIDANG KEUTAMAAN |
| | 3 | STRATEGI |
| | 17 | OBJEKTIF STRATEGI |
| | 39 | INISIATIF |
| | 3 | TAHUN TEMPOH PERLAKSANAAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **VISI** | Membentuk dan memperkasa warga MyCC berintegriti tinggi dan bebas rasuah. | | |
| **MISI** | Memperkukuh tadbir urus, integriti dan antirasuah warga kerja melalui pematuhan terhadap akta, peraturan, arahan yang berkuatkuasa serta ketelusan dalam penyampaian perkhidmatan di kalangan warga MyCC. | | |
| **MATLAMAT** | Melahirkan warga MyCC yang amanah dan kompeten. | | |
| | Memperkasa tadbir urus dengan meningkatkan akauntabiliti, profesionalisme dan penguatkuasaan undang-undang secara berterusan. | | |
| **BIDANG KEUTAMAAN** | Tadbir Urus dan Pengurusan | Perolehan dan Kewangan | Penguatkuasaan Undang-Undang |
| **STRATEGI** | Memperkasa Tadbir Urus Mycc | Meningkatkan Akauntabiliti dan Ketelusan Integriti Dalam Perolehan dan Kewangan | Memperkasa Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan |

# 2.2 ANALISIS KUADRAN INISIATIF

Hasil analisis kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 18 pelan inisiatif akan diberikan keutamaan berdasarkan punca rasuah dan salah laku integriti. 18 inisiatif ini ditentukan berdasarkan analisa tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaanya. 12 inisiatif yang dikenal pasti berada di kelompok Kuadran A, selebihnya 6 inisiatif yang dikenalpasti berada dalam kelompok Kuadran B memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. Ringkasan 18 inisiatif berkenaan adalah seperti berikut:

**KUADRAN A**
Kuadran A mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH

**KUADRAN B**
Kuadran B mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI KOMPLEKSITI TINGGI

**KOMPLEKSITI**
Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

**KUADRAN C**
Kuadran C mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI, KOMPLEKSITI RENDAH

**KUADRAN D**
Kuadran D mewakili inisiatif BERIMPAK TINGGI KOMPLEKSITI TINGGI

**IMPAK**
Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif



| | |
|---|---|
| **STRATEGI 1** | MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN MyCC |
| **STRATEGI 2** | MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN DALAM PEROLEHAN KEWANGAN |
| **STRATEGI 3** | MEMPERKASAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN |

## 2.3 KEUTAMAAN STRATEGI PENEKANAN 18 INISIATIF

Ringkasan berikut yang menunjukkan 18 inisiatif yang perlu diberi keutamaan daripada 39 jumlah keseluruhan yang telah dikenalpasti. Ia berdasarkan tiga (3) strategi utama berkaitan Tadbir Urus dan Pengurusan, Perolehan dan Kewangan dan Penguatkuasaan Undang-Undang. 18 Inisiatif ini dikenalpasti berdasarkan keperluan kesegeraan untuk menangani salah laku integriti, kepincangan tadbir urus dan rasuah.

**RINGKASAN 18 INISIATIF UTAMA OACP MyCC 2023-2025**

| BIL | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **1.1.1.2** | Mewujudkan prosedur dalaman mengenai *"Blok Exemption Order (BEO)."* | B | 1 |
| 2 | 1.1.1.4 | Mencadangkan penambahan perjawatan bagi pengukuhan organisasi. | B | 1 |
| 3 | 1.1.1.5 | Mencadangkan pewujudan mekanisme pemantauan dan penyemakan berkaitan aplikasi transaksi penggabungan. | B | 1 |

| BIL | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|---|
| 4 | **1.1.2.2** | Mempertingkatkan tadbir urus dan pemantauan dalam penggunaan aset dan kemudahan MyCC. | A | 1 |
| 5 | 1.1.2.3 | Menambah baik dan memantau akses pengkalan data, perisian dan maklumat digital. | A | 1 |
| 6 | 1.1.2.4 | Mewujudkan prosedur semakan *"Conflict of Interest"* dalam perlantikan peguam luar. | A | 1 |
| 7 | 1.1.3.5 | Melaksanakan program secara berkala bagi kesedaran dalam aspek governans, integriti dan antirasuah. | A | 1 |
| 8 | 2.2.1.4 | Mengemaskini dan menambah baik Pekeliling dan Tatacara Kewangan MyCC mengikut keperluan dari semasa ke semasa. | A | 2 |
| 9 | 2.2.2.1 | Melaksanakan bengkel pemantapan pematuhan perundangan perolehan termasuk pekeliling dan tatacara secara berkala. | A | 2 |
| 10 | 2.2.2.2 | Memperkukuh proses kajian pasaran. | A | 2 |
| 11 | 2.2.2.3 | Mewujudkan Strategi Perolehan Tahunan. | A | 2 |

| BIL | RUJUKAN INISIATIF | INISIATIF | KUADRAN | STRATEGI |
|---|---|---|---|---|
| 12 | **3.3.1.1** | Meningkatkan kompetensi pegawai dalam operasi serbuan. | A | 3 |
| 13 | 3.3.1.2 | Mengemaskini dan menambahbaik pengurusan rekod aduan, rekod/surat/ notis keluar masuk dan rekod penerimaan dokumen. | A | 3 |
| 14 | 3.3.1.3 | Meningkatkan kompetensi pegawai dalam aktiviti merekodkan Pernyataan. | A | 3 |
| 15 | 3.3.1.4 | Menambahbaik sistem pengurusan bukti dan maklumat secara digital (*"IED Master Database"*). | B | 3 |
| 16 | 3.3.1.5 | Pengukuhan dan penambahbaikan fungsi dan peranan pegawai-pegawai dan bahagian yang terlibat dalam penyiasatan dan penguatkuasaan. | B | 3 |
| 17 | 3.3.2.7 | Menambah baik prosedur dan carta alir kerja untuk Serbuan secara berkala mengikut keperluan. | A | 3 |
| 18 | 3.3.2.12 | Menggabungkan dan menambahbaik prosedur Nasihat Dasar dan Nasihat Ekonomi. | B | 3 |

# 2.4 BIDANG KEUTAMAAN

Bahagian ini menerangkan tentang kerangka bidang keutamaan yang telah ditentukan di peringkat MyCC. Sebanyak tiga (3) bidang keutamaan akan menjadi teras utama dalam usaha menambah baik tadbir urus, integriti dan mengelakkan rasuah.

| BIDANG KEUTAMAAN | | STRATEGI |
|---|---|---|
| BIDANG KEUTAMAAN 1 TADBIR URUS DAN PENGURUSAN | ➔ | Memperkasa Tadbir Urus dan Pengurusan MyCC |
| BIDANG KEUTAMAAN 2 PEROLEHAN DAN KEWANGAN | ➔ | Memperkukuh Pengurusan Kewangan |
| BIDANG KEUTAMAAN 3 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG | ➔ | Memperkasakan Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan |

Tiga bidang keutamaan tersebut adalah Tadbir Urus dan Pengurusan, Perolehan dan Kewangan dan Penguatkuasaan Undang-undang. Tiga strategi yang telah dikenalpasti adalah Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus dan Pengurusan Terbaik, Memperkukuh Pengurusan Kewangan dan Menambahbaik Tahap Kecekapan dalam Penguatkuasaan.

**BIDANG KEUTAMAAN 1**
**TADBIR URUS DAN PENGURUSAN**

**STRATEGI 1**
**MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN MyCC**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.1**
Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus dan Pengurusan Terbaik

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.2**
Meningkat Pengamalan Profesionalisme Dalam Tadbir Urus dan Pengurusan

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.3**
Meningkatkan Budaya Kerja Beretika, Telus dan Berintegriti Dalam Warga MyCC

**BIDANG KEUTAMAAN 1**
**TADBIR URUS DAN PENGURUSAN**

**STRATEGI 1**
**MEMPERKASAKAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN**

| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1: Memantapkan Kebekesanan Tadbir Urus dan Pengurusan Terbaik | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 1 | Polisi berkenaan mewujudkan penerimaan dan pemberian hadiah. | UIAD | 2023-2024 |
| 2 | Mewujudkan prosedur dalaman mengenai *"Blok Exemption Order (BEO)."* | BPE | 2023-2025 |
| 3 | Mewujudkan polisi berurusan dengan pihak ketiga. | UIAD | 2023-2025 |
| 4 | Mencadangkan penambahan perjawatan bagi pengukuhan organisasi. | BKP | 2023-2025 |
| 5 | Mencadangkan pewujudan mekanisme pemantauan dan penyemakan berkaitan aplikasi transaksi penggabungan. | UPP | 2023-2025 |
| 6 | Mewujudkan Polisi Antirasuah. | UIAD | 2023-2025 |
| 7 | Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai yang bertanggungjawab melakukan kesalahan. | BKP | 2023-2025 |
| 8 | Melaksanakan Audit Dalaman secara berkala. | UIAD | 2023-2025 |
| 9 | Mewujudkan prosedur bagi menyimpan dan akses dokumen terperingkat. | BUU | 2023-2024 |
| 10 | Menambah baik mekanisme maklum balas borang kaji selidik program advokasi. | BKA | 2023-2024 |

| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2: Meningkatkan Pengamalan Profesionalisme dalam Tadbir Urus dan Pengurusan | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 1 | Menyemak silang keabsahan cuti atas sebab perubatan yang dikemukakan oleh pegawai. | BKP | 2023-2024 |
| 2 | Mempertingkatkan tadbir urus dan pemantauan dalam penggunaan aset dan kemudahan MyCC. | BKP | 2023-2025 |
| 3 | Menambah baik dan memantau akses pengkalan data, perisian dan maklumat digital. | BKP | 2023-2025 |
| 4 | Mewujudkan prosedur semakan *"Conflict of Interest"* dalam perlantikan peguam luar. | BUU | 2023-2024 |
| 5 | Melaksanakan pemantauan berkala kepada semua akaun sosial media MyCC dan pegawai MyCC. | BKA | 2023-2025 |

| OBJEKTIF STRATEGIK 1.3: Meningkatkan Budaya Kerja Beretika, Telus dan Berintegriti Dalam Warga Mycc | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 1 | Melaksanakan latihan berkala berkenaan Akta Rahsia Rasmi 1972. | BKP | 2023-2024 |
| 2 | Mewujudkan mekanisme pemantauan berkenaan kehadiran setiap pegawai di program dan kursus rasmi. | PKPE | 2023-2025 |
| 3 | Mewujudkan mekanisme pemantauan dalam menangani penyebaran fitnah atau maklumat palsu tentang MyCC dan pegawai MyCC. | BKA | 2023-2024 |
| 4 | Menambah baik prosedur berkenaan pengambilan pekerja. | BKP | 2023-2024 |
| 5 | Melaksanakan program secara berkala bagi kesedaran dalam aspek governans, integriti dan antirasuah. | BKP | 2023-2025 |

Tiga bidang keutamaan tersebut adalah Tadbir Urus dan Pengurusan, Perolehan dan Kewangan dan Penguatkuasaan Undang-undang. Tiga strategi yang telah dikenalpasti adalah Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus dan Pengurusan Terbaik, Memperkukuh Pengurusan Kewangan dan Menambahbaik Tahap Kecekapan dalam Penguatkuasaan.

**BIDANG KEUTAMAAN 2**
**PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

**STRATEGI 2**
**MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN KETELUSAN DALAM PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1**
Memperkukuhkan Pengurusan Kewangan

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.2**
Meningkat Ketelusan Dalam Proses Perolehan

**STRATEGI 2**
**Meningkatkan Akauntabiliti Dan Ketelusan dalam Perolehan dan Kewangan**

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1:**
**Memperkukuh Pengurusan Kewangan**

| BIL | INISIATIF | PENERAJU | TEMPOH MASA |
|---|---|---|---|
| 1 | Mewujudkan mekanisme semak silang bagi proses dokumen pembayaran. | UIAD | 2023-2024 |
| 2 | Meningkatkan kompentensi penyediaan penyata kewangan. | BKP | 2023-2025 |
| 3 | Mengadakan program kesedaran berkaitan pengurusan kewangan. | BKP | 2023-2024 |
| 4 | Mengemaskini dan menambah baik Pekeliling dan Tatacara Kewangan MyCC mengikut keperluan dari semasa ke semasa. | BKP | 2023-2024 |

| OBJEKTIF STRATEGIK 2.2: Meningkatkan Ketelusan dalam Proses Perolehan | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 1 | Melaksanakan bengkel pemantapan pematuhan perundangan perolehan termasuk pekeliling dan tatacara secara berkala. | BKP | 2023-2024 |
| 2 | Memperkukuh proses kajian pasaran. | BKP | 2023-2025 |
| 3 | Mewujudkan Strategi Perolehan Tahunan. | BKP | 2023-2024 |

**BIDANG KEUTAMAAN 3**
**PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG**

**STRATEGI 3**
**MEMPERKASAKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN**

**OBJEKTIF STRATEGIK 3.1**
Menambahbaik Tahap Kecekapan dalam Penguatkuasaan

**OBJEKTIF STRATEGIK 3.2**
Meningkatkan Tahap Ketelusan dalam Penguatkuasaan

| OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: Menambahbaik Tahap Kecekapan dalam Penguatkuasaan | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 1 | Meningkatkan kompetensi pegawai dalam operasi serbuan yang merangkumi:<br>(i) pengurusan bahan bukti fizikal dan digital;<br>(ii) pengurusan rekod bahan bukti; dan<br>(iii) tatacara pegawai dalam pengendalian operasi serbuan. | BPP | 2023-2024 |

| OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: Menambahbaik Tahap Kecekapan dalam Penguatkuasaan | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 2 | Mengemaskini dan menambahbaik pengurusan rekod aduan, rekod surat/ notis keluar masuk dan rekod penerimaan dokumen. | BPP | 2023-2025 |
| 3 | Meningkatkan kompetensi pegawai dalam aktiviti merekodkan Pernyataan. | BPP | 2023-2025 |
| 4 | Menambahbaik sistem pengurusan bukti dan maklumat secara digital (*"IED Master Database"*). | BPP | 2023-2025 |
| 5 | Pengukuhan dan penambahbaikan fungsi dan peranan pegawai-pegawai dan bahagian yang terlibat dalam penyiasatan dan penguatkuasaan. | BKP | 2023-2025 |

| OBJEKTIF STRATEGIK 3.2:<br>Meningkatkan Tahap Ketelusan dalam Penguatkuasaan | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **INISIATIF** | **PENERAJU** | **TEMPOH MASA** |
| 1 | Menambah baik carta alir kerja deraf keputusan secara berkala mengikut keperluan. | BKP | 2023-2025 |
| 2 | Menambah baik prosedur dan carta alir kerja untuk Serbuan secara berkala mengikut keperluan yang merangkumi:<br>(i) pengurusan bahan bukti fizikal dan digital;<br>(ii) pengurusan rekod bahan bukti; dan<br>(iii) tatacara pegawai dalam pengendalian operasi serbuan. | BKP | 2023-2025 |
| 3 | Menambah baik prosedur Rekod Kenyataan secara berkala mengikut keperluan. | BKP | 2023-2025 |
| 4 | Mengukuhkan sistem pelaporan penilaian permohonan kelonggaran di bawah Seksyen 41 Akta Persaingan 2010. | BUU | 2023-2025 |
| 5 | Mewujudkan carta alir dalam penilaian nasihat undang-undang. | BUU | 2023-2024 |
| 6 | Mewujudkan prosedur kawalan dokumen dan bukti fizikal/digital BPP. | BPP | 2023-2024 |
| 7 | Menggabungkan dan menambahbaik prosedur Nasihat Dasar dan Nasihat Ekonomi. | BPSHA | 2023-2024 |

Tidak mungkin bagi seorang Nabi menggelapkan harta rampasan perang (ghulul) dan barang siapa yang menggelapkan harta rampasan perang nescaya ia akan membawa bersamanya pada hari kiamat segala sesuatu yang digelapkan nya. Kemudian setiap orang dibalas dengan sempurna terhadap apa yang telah dilakukannya dan mereka tidak akan dianiaya.

**Surah al-Baqarah Ayat 188**

# BAB 3
# TADBIR URUS

3.1 Mekanisme Pelaksanaan 46
3.2 Struktur Tadbir Urus Pelan Antirasuah Organisasi 49
3.3 Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan dan Penilaian 51
3.4 Prinsip Pengurusan Antirasuah MyCC 54

# BAB 3:
# TADBIR URUS

Dalam menangani perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti, MyCC telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi nasional iaitu kearah negara yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Bagi mencapai matlamat ini MyCC mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari untuk tempoh tiga tahun akan datang.

Jawatankuasa Pembangunan OACP MyCC 2023-2025 diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan berjalan dengan teratur dan lancar. Pelaporan inisiatif-inisiatif OACP MyCC akan disalurkan melalui *Person in Charge* (PIC) yang dilantik daripada setiap bahagian/unit. PIC perlu membuat pelaporan secara berkala untuk memastikan semua program dan aktiviti yang dikenalpasti dilaksanakan mengikut perancangan.

Pemantauan dan Penilaian OACP MyCC penting bagi tujuan memantau kemajuan pelaksanaan yang dilakukan oleh setiap bahagian dan unit yang bernaung di bawah MyCC agar selari dengan kerangka yang disediakan di peringkat jabatan. Ia juga merupakan langkah untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaan inisiatif agar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan.

## 3.1 MEKANISME PELAKSANAAN

Mekanisme pelaksanaan untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan berkesan, proses pelaporan secara sistematik dilaksanakan melalui Jawatankuasa Risiko, Audit & Integriti (RAIC) serta Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berperanan menilai pelaksanaan inisiatif-inisiatif OACP MyCC 2023-2025 dan membuat keputusan bagi isu-isu berkaitan.

Pelaksanaan OACP MyCC 2023-2025 dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara Pengerusi Suruhanjaya, Anggota Suruhanjaya, Pengurusan Tertinggi Jabatan, dan pemegang taruh (*stakeholder*) untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik.

UIAD bertanggungjawab sebagai sekretariat yang akan melaksanakan aktiviti-aktiviti pelaporan dan mendapatkan maklum balas daripada peneraju-peneraju inisiatif di samping bertindak sebagai pemudahcara dan penyelaras pelaksanaan OACP MyCC 2023-2025.

| | | |
|---|---|---|
| **JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) KPDN** | Berfungsi sebagai mekanisme tertinggi bagi membincangkan pelaksanaan dan pemantauan OACP. | • Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP.<br>• Membuat keputusan dan menetapkan dasar. |
| **URUSETIA UNIT INTEGRITI & AUDIT DALAM** | Jawatankuasa Antirasuah Peringkat Jabatan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa OACP. | • Membentangkan status. pencapaian dan pelaksanaan inisiatif OACP<br>• Mengenalpasti masalah berbangkit dan penyelesaian. |
| **PENYELARAS OACP BAHAGIAN/UNIT** | Mesyuarat Pengurusan Peringkat Bahagian/Unit. | • Memastikan inisiatif OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan.<br>• Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif secara suku tahun kepada Unit Integriti selaku urusetia OACP. |

# AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MyCC 2023-2025



## 3.2 MEKANISME PELAKSANAAN

OACP MyCC 2023-2025 ialah sebuah dokumen merentas masa (*living document*) yang dibangunkan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan oleh semua jabatan peneraju. Pelan ini bermatlamat untuk menyumbang kepada pembaharuan strategi antirasuah organisasi. Proses pemantauan akan menyediakan maklumat penting dalam membantu organisasi untuk meneroka strategi baharu serta menambahbaik strategi sedia ada mengikut keperluan.

Tadbir urus adalah proses yang digunakan bagi meningkatkan kebertangungjawaban serta memperuntukkan satu rangka kerja mekanisme kawalan yang menyokong sesebuah organisasi mencapai matlamatnya. Tingkah laku beretika, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kemampanan merupakan unsur tadbir urus yang penting dalam pentadbiran organisasi.

Pelbagai modus operandi pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perlakuan rasuah, pelanggaran integriti dan kelemahan tadbir urus dalam institusi atau organisasi. Cabaran dan keperluan untuk penambahbaikan inisiatif-inisiatif baharu merupakan amalan penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah memenuhi jangkaan dan matlamat OACP MyCC 2023-2025.

# STRUKTUR TADBIR URUS PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MyCC 2023-2025

**JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) KEMENTERIAN**

Kementerian Laporan Prestasi OACP daripada MyCC

↑

**JAWATANKUASA RISIKO, AUDIT & INTEGRITI (RAIC)**
Selaku Jawatankuasa Antirasuah MyCC

UNIT INTEGRITI DAN AUDIT DALAM
Sebagai Sekretariat bagi menilai prestasi semasa inisiatif yang dilaksanakan melalui laporan pemantauan berkala

- Menerima Laporan Pretasi Suku Tahunan OACP daripada UIAD
- Mendapatkan penjelasan daripada pelaksana pelan tindakan
- Mengabsahkan dasar dan membuat keputusan
- Memperakukan isu laporan untuk dikemukakan kepada JAR kementerian jika diperlukan

↑

**JAWATANKUASA PELAKSANAAN & PEMANTAUAN**

- Dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif
- Keahlian: AJK OACP (terdiri daripada semua Ketua Jabatan)
- Setiausaha: Ketua Unit Integriti & Audit Dalam
- Urusetia: Unit Integriti & Audit Dalam

- Memantau prestasi pelaksanaan inisiatif
- Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana
- Menyediakan laporan pencapaian OACP
- Memperakukan laporan prestasi OACP untuk dikemukakan kepada RAIC

## PELAPORAN UNIT INTEGRITI

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 (PP Bil. 6 Tahun 2013) menjelaskan mekanisme pelaporan kepada urus setia Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) untuk mengawal selia, memantau dan menyelaras melalui Unit Integriti mengikut kekerapan sepertimana yang ditetapkan bagi tujuan pemantauan:

| | |
|---|---|
| **Laporan Bulan Januari - April** | Sebelum atau pada 15 Mei tahun semasa |
| **Laporan Bulan Mei - Ogos** | Sebelum atau pada 15 September tahun semasa |
| **Laporan Bulan September - Disember** | Sebelum atau pada 15 Januari pada tahun berikutnya |

# 3.3 MEKANISME PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

Penyelarasan pembangunan dan pelaksanaan OACP MyCC 2023-2025 diselaraskan oleh UIAD yang juga bertindak sebagai sekretariat penyelaras OACP yang berperanan memantau, menilai dan melapor pencapaian OACP. Semakan pencapaian inisiatif OACP perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti penambahbaikan berterusan dan menjadi rujukan kepada semua pihak dalam menjadikan organisasi menuju era kemajuan yang utuh tanpa terpalit dengan elemen rasuah dalam apa juga bentuk dan keadaan.

Adalah penting koordinasi pemantauan dan penilaian bagi memastikan kejayaan OACP. OACP ini sebagai komitmen MyCC dalam mencegah rasuah dan menyekat ruang dan peluang yang akan membawa kepada kepincangan organisasi ekoran kelemahan dalam membasmi rasuah secara holistik.

# PENYELARASAN, PEMANTAUAN & PENILAIAN

## PENYELARASAN

| | |
|---|---|
| RAIC | Menasihati dan pengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP MyCC. |
| URUSETIA UNIT INTEGRITI & AUDIT DALAM | Melaporkan status pelaksanaan OACP MyCC setiap suku tahunan kepada pengurusan tertinggi. |
| JABATAN PELAKSANA | Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Unit Integriti & Audit Dalam. |

## PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program.
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif.
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran.
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap).
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan.
- Menyediakan Pelaporan kepada Urusetia OACP setiap suku tahun.

## PENILAIAN

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti.
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat.
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang.
- Memberikan maklumbalas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.
- Menanda aras aktiviti dan amalan baik.
- Penilaian setiap inisiatif akan dinilai setiap hujung tahun. Pelaksana boleh mengemukakan sebarang permasalahan, penambahbaikan setelah dipersetujui di peringkat jawatankuasa OACP.

## MEKANISME PENILAIAN

Penilaian amat penting dalam memastikan setiap tindakan yang dibuat telah memenuhi jangkaan dan matlamat OACP. Dalam mengenalpasti kemajuan dan prestasi pelaksanaan strategi setiap inisiatif, semua aktiviti akan sentiasa di pantau dan dinilai berdasarkan mekanisme berikut:




Penilaian pencapaian OACP akan dilaksanakan sekali setahun dan kajian semula akan dibuat pada tahun 2024 bagi menentukan keberkesanan perlaksanaan inisiatif. Penilaian prestasi bagi setiap inisiatif yang digariskan dalam OACP hendaklah dibuat bagi memastikan peratusan perlaksanaannya mengikut perancangan dan tempoh masa yang ditetapkan. Tindakan pembaharuan OACP akan dilaksanakan pada akhir tempoh pelan ini dan dikeluarkan pada tahun berikutnya.

# 3.4 PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH MyCC

Komitmen dalam pembanterasan rasuah menjadi salah satu agenda penting dalam merealisasikan penyampaian perkhidmatan awam terus berada pada tahap yang terbaik. MyCC sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat adalah telus dan berkesan. Pengurusan antirasuah ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

| | |
|---|---|
| **KOMITMEN PENGURUSAN** | • Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap tertinggi.<br>• Melaksanakan program dan inisiatif yang digariskan dalam OACP dan membudayakan integriti.<br>• Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa.<br>• Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan. |
| **PENILAIAN RISIKO RASUAH** | • Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan.<br>• Memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman atau luaran. |
| **PELAKSANAAN INSIATIF** | • MyCC akan mewujudkan langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang. |
| **PEMANTAUAN DAN PENILAIAN SECARA SISTEMATIK** | • Mengemukakan pelaporan pelaksanaan insiatif kepada Pengurusan Tertinggi.<br>• Penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program.<br>• Mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap pemasalahan yang timbul. |
| **PEMERKASAAN PROGRAM** | • Pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah.<br>• Hebahan kepada pihak pengurusan, kakitangan.<br>• Pendidikan.<br>• Kesedaran.<br>• Penguatkuasaan. |

Binasalah hamba wang: dinar dan dirham, hamba pakaian, dengan segala macamnya yang menarik, jika diberi dia merasa gembira dan jika tidak diberi maka dia tidak merasa gembira.

**Riwayat al-Bukhari**

# BAB 4
# KESIMPULAN


4.1 Kesimpulan 56
4.2 Harapan Masa Hadapan 57
4.3 Sorotan Memoir 58

# BAB 4:
# 4.1 KESIMPULAN

Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MyCC 2023-2025 merupakan iltizam dan komitmen yang tinggi oleh Pengerusi Suruhanjaya, Anggota Suruhanjaya, Pengurusan Tertinggi, Warga MyCC serta pihak berkepentingan bagi menangani isu integriti, governans dan rasuah. OACP MyCC 2023-2025 bertindak sebagai kawalan dalaman yang memainkan peranan penting dalam membasmi rasuah secara holistik serta persediaan yang dirancang bagi menghadapi cabaran dalaman dan luaran MyCC dari pelbagai aspek.

MyCC sebagai sebuah agensi Badan Berkanun Persekutuan (BBP) menyahut dan memberi sokongan kepada semua usaha pengukuhan integriti, tadbir urus dan rasuah. Sebagai agensi tunggal dalam penguatkuasaan Akta Persaingan 2010, MyCC akan memastikan setiap perkhidmatan yang disampaikan kepada masyarakat dapat dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip integriti dan tadbir urus cemerlang seiring dengan kehendak kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain.

OACP MyCC 2023-2025 telah mengenalpasti dan menggariskan pelan tindakan antirasuah bagi tempoh tiga (3) tahun perlaksanaan. Berdasarkan kajian dan hasil dapatan penilaian risiko secara menyeluruh merangkumi 3 Bidang Keutamaan, 7 Objektif Strategik dan 39 Inisiatif yang akan menjadi panduan dalam pengurusan antirasuah di organisasi ini. Pelaksanaan semua inisiatif ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala serta dikemaskini mengikut perubahan semasa dan mengambil kira maklumbalas, pandangan bagi penambahbaikan.

# 4.2 HARAPAN MASA HADAPAN

Secara keseluruhannya, OACP MyCC disusuli dengan beberapa program atau inisiatif yang dirangka bagi menghapuskan ruang dan peluang berlakunya rasuah. Sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat demi kepentingan awam merupakan intipati kepada istilah integriti. Pengamalan dan pemahaman terhadap integriti amat perlu dilaksanakan untuk memenuhi keperluan rakyat dan negara.

Integriti warga MyCC yang diamanahkan dalam perkhidmatan kerajaan bertindak secara amanah kepada kuasa dan tugasnya, telus, tiada konflik peribadi, berwibawa, akauntibiliti, patuh kepada undang-undang dan peraturan berkuatkuasa. Apabila berlaku konflik kepentingan, keutamaan harus diberikan kepada kepentingan awam.

MyCC tercermin dalam perumusan dan pelaksanaan kod etika, sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Pembudayaan integriti ditegaskan, diulangi dan dihayati sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya. Warga MyCC berintegriti tinggi, maka secara langsungnya integriti organisasi juga akan meningkat.

OACP MyCC 2023-2025 adalah komitmen pengurusan tertinggi terhadap pembentukan Visi, Misi dan Matlamat yang jelas serta mudah difahami dan dihayati oleh setiap warga MyCC mampu menterjemahkan dalam bentuk tindakan dan komitmen serta membantu merealisasikan NACP merupakan dasar antirasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk negara bebas rasuah yang mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

# 4.3 SOROTAN MEMOIR

## SESI TAKLIMAT
## BENGKEL RISIKO RASUAH DAN ANALISIS DATA
## SOFITEL, KUALA LUMPUR
## 15 – 17 MEI 2023















## SESI PERBINCANGAN
## BENGKEL PELAN TINDAKAN ANTIRASUAH MyCC 2023-2025
## ACE CONFERENCE CENTRE, KUALA LUMPUR
## 13 - 14 JUN 2023





# PESERTA BENGKEL
# PEMURNIAN PELAN ANTIRASUAH MyCC 2023 – 2025
# ACE CONFERENCE CENTRE, KUALA LUMPUR
# 3 – 4 JULAI 2023















# CERAMAH PENGUKUHAN INTEGRITI URUS HUTANG HATI TENANG OLEH FINANCIAL FAIZ 12 OGOS 2022




MyCC
MyCC

## BENGKEL PEMANTAPAN ROHANI
## PROGRAM TAZKIRAH RAMADHAN TAHUN 2022
## DI AUDITORIUM TUN DR. SITI HASMAH
## MENARA SSM @ SENTRAL
## 25 APRIL 2022









# A BENCHMARKING VISIT TO MALAYSIAN RUBBER BOARD (MRB) 25 JANUARI 2022






## MAJLIS PENGUKUHAN INTEGRITI PENERAPAN NILAI-NILAI MURNI DI AUDITORIUM TUN DR. SITI HASMAH MENARA SSM @ SENTRAL 10 DISEMBER 2021
















# KUNJUNGAN HORMAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) KE PEJABAT KETUA PESURUHJAYA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM) 6 NOVEMBER 2020












## MAJLIS LAFAZ IKRAR BEBAS RASUAH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA 26 JANUARI 2018











# IKRAR INTEGRITI KORPORAT
# *CORPORATE INTEGRITY PLEDGE (CIP)*
# SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
# 15 MEI 2015



MyCC

KPDNKK

*Ikrar Integriti Korporat*

CORPORATE INTEGRITY PLEDGE (CIP)
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

Mengiktiraf bahawa:

- Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Di Malaysia, sebagaimana ianya boleh dipinda atau disemak dari semasa ke semasa, adalah merupakan prinsip-prinsip di mana MyCC perlu memberikan komitmen untuk mempromosikan integriti, ketelusan dan tadbir urus yang terbaik dalam Perkhidmatan Awam pada semua aspek operasinya;
- Untuk menyampaikan perkhidmatan kepada para pelanggan dan stakeholders yang bebas daripada rasuah, sejajar dengan Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah di Malaysia bagi menjaga kepentingan MyCC, di mana rasuah boleh memusnahkan nilai-nilai murni, menjejaskan keyakinan pelanggan dan stakeholders dan menghalang perkembangan mampan MyCC.

Bahawasanya kami, seluruh warga kerja MyCC berikrar:-

- Tidak akan sama ada secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) atau Kanun Keseksaan (Akta 574);
- Tidak akan menjalankan apa-apa amalan perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang membenarkan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;
- Akan bersama-sama dengan pelanggan, anak syarikat, koperasi dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran penyampaian perkhidmatan yang bebas daripada rasuah;
- Akan mendukung Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Di Malaysia dalam menjalankan perniagaan dan interaksi dengan pelanggan dan agensi Kerajaan; dan
- Akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan yang boleh menggugat integriti serta menjejaskan imej MyCC.

| Ditandatangani oleh: Bagi Pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia | Disaksikan oleh: Bagi Pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
|---|---|
| (DR. MOHD [illegible] BIN ABDUL SAMAD) | (DATUK [illegible] MUSTAFAR BIN HAJI ALI) |
| Ketua Pegawai Eksekutif | [illegible] Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) |
| Tarikh: 15 Mei 2015 | Tarikh: 15 Mei 2015 |

# PESANAN INTEGRITI










MyCC
ANDA DILINDUNGI
Warga MyCC tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan PEMBERI MAKLUMAT adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan.
PEMBERI MAKLUMAT adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].
PEMBERI MAKLUMAT boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.
PEMBERI MAKLUMAT yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.


MyCC
SEMPURNAKAN TUGAS ANDA DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB
"Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kami mengetahui (salahnya)."
Surah al-Anfal, ayat 27


MyCC
RASUAH ITU SUATU JENAYAH!
Rasuah ialah penerimaan dan pemberian suapan bertujuan melakukan sesuatu perbuatan berkaitan tugasan rasmi.
SUAPAN TERDIRI DARIPADA
EMPAT KESALAHAN RASUAH YANG UTAMA MENURUT SPRM
UNDIAN
HUKUMAN
Hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang dari lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.


MyCC
KESALAHAN
GAGAL MELAPOR PEMBERIAN, JANJI ATAU TAWARAN RASUAH
GAGAL MELAPOR PERMINTAAN ATAU MEMPEROLEH SUAPAN
HUKUMAN
DENDA
TIDAK LEBIH RM100,000
DENDA
TIDAK LEBIH RM10,000
PENJARA
TIDAK LEBIH 10 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI
PENJARA
TIDAK LEBIH 2 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI


MyCC
Hentikan Amalan CUTI KECEMASAN (EL) Tanpa Sebab Munasabah
Ketidakhadiran untuk bertugas seseorang pegawai tanpa sebab yang munasabah boleh dikenakan tindakan tatatertib!
"Di saat kita mengeluh tentang pekerjaan, fikirkan tentang orang lain yang masih menganggur mencari pekerjaan."
"Di saat kita tidak melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan, fikirkan tentang keberkatan rezeki kita."


MyCC
Seksyen 23
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694]
KESALAHAN
MENGGUNAKAN JAWATAN ATAU KEDUDUKAN UNTUK MENDAPATKAN SUAPAN RASUAH
HUKUMAN
PENJARA:
DENDA:

# PENA INTEGRITI









# PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Suruhanjaya, Bahagian dan Unit seperti di bawah dalam membantu bagi melengkapkan, memberi input, analisis dan komitmen yang terbaik.

**JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)**

**PENAUNG**

**Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus**
Pengerusi
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

**PENGERUSI OACP MyCC 2023-2025**

**Encik Iskandar bin Ismail**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

## ANGGOTA SURUHANJAYA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)

**Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal bin Sulaiman**
Anggota Suruhanjaya
Suruhanjaya Persaingan Malaysia

**Datuk Tay Lee Ly**
Ketua Bahagian Penyelidikan
Jabatan Peguam Negara

**Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid**
Setiausaha Bahagian, Seksyen hal Ehwal Jemaah Menteri
Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan
Perhubungan antara Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri

**Mr. Arunan Tan Sri K.Kumaran**
Timbalan Pengarah Bahagian Dasar,
Perancangan Strategik dan Antarabangsa
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

**Pn. Siti Juriani binti Jalaluddin**
Ketua Seksyen Wang Awam 1, KS(WA1)
Kementerian Kewangan Malaysia

**Assoc. Prof. Dr. Nasarudin bin Abdul Rahman**
Penolong Profesor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**Encik Anil Abraham**
Penasihat Am
UEN Edgenta Berhad

## Jawatankuasa Pembangunan OACP MyCC 2023-2025
## Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

**Encik Mohd Faridz Akram bin Mokhtar**
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Puan Pakeeza binti Mohammed Junus**
Bahagian Perancangan Strategik & Hubungan Antarabangsa

**Encik Ismail Faruqi bin Abdullah**
Bahagian Perniagaan & Ekonomi

**Puan Wan Nursalena binti Wan Abdullah**
Bahagian Undang-undang

**Encik Freeman Liew Chin Shin**
Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan

**Encik Norsaidi bin Mohd Noordin @ Arif**
Unit Integriti dan Audit Dalam

**Terima kasih jua kepada Pegawai Perhubungan (LO) Bahagian yang telah mengambil masa untuk membantu dan memberikan maklumbalas**

**Cik Farha Nabiha binti Mustaffa**
Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan

**Cik Nurul Afiqah binti Soohaim**
Bahagian Penyiasatan & Pengutkuasaan

**Encik Mohd Hasbullah bin Mohamad Faudzi**
Bahagian Penyiasatan & Penguatkuasaan

**Encik Khairul Ezzanie bin Ishak**
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Encik Izzat Muhaimin Aziz bin Pauzi**
Bahagian Perniagaan & Ekonomi

**Cik Farina Adila binti Abdul Malek**
Bahagian Undang-Undang

**Encik Muhammad Syairazi bin Md Aliman**
Bahagian Strategik dan Perhubungan Antarabangsa

**Encik Mohd Naqib Ajmal bin Jamaludin**
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Encik Muhammad Kifah bin Wan Ariffin**
Bahagian Komunikasi & Advokasi

**Cik Nora Helena Helmi binti Shahabudin Helmi**
Bahagian Komunikasi & Advokasi

**Puan Noorain binti Mohamad Yamin**
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Cik Noor Haffini binti Mohd Noor**
Bahagian Khidmat Pengurusan

**Encik Muhammad Zyed bin Mokhtar**
Bahagian Khidmat Pengurusan

## Sekretariat OACP MyCC 2023-2025
## Unit Integriti & Audit Dalam

**Encik Norsaidi bin Mohd Noordin@ Arif**
**Cik Maha Laxshmi A/P Muthu Krishnan**

## Institut Integriti Malaysia (IIM)

**Encik Mazwane bin Musa**
Institut Integriti Malaysia (IIM)

## PASUKAN PENYUNTING

### PENASIHAT

**Encik Iskandar bin Ismail**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

### KETUA EDITOR

**Encik Norsaidi bin Mohd Noordin @ Arif**
Unit Integriti & Audit Dalam

### PASUKAN EDITOR

**Encik Muhamad Kifah bin Wan Ariffin**
**Encik Mohd Khairun bin Sudin**
**Cik Maha Laxshmi A/P Muthu Krishnan**
**Encik Adeeq Faruqee bin Abdullah**

Terima kasih jua diucapkan kepada Urusetia Pembangunan OACP MyCC 2023-2025 iaitu semua warga kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan OACP MyCC 2023-2025.

Semoga ketersediaan pelan ini menjadi rujukan dan menjadi asas dalam usaha menghapuskan rasuah dan membentuk ekosistem bebas rasuah di hati warga MyCC.

Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (makan rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

**Surah al-Baqarah: 188**



HENTIKAN RASUAH

**Malaysia Competition Commission**
Level 15, Menara SSM@Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

t +603-2273 2277
f +603-2272 2293
w www.mycc.gov.my

@themycc
www.mycc.gov.my

PROMOTING COMPETITION, PROTECTING YOU